

Ruangan Akhlak

Agama Islam adalah sangat-sangat menganjurkan supaya tiap-tiap pemeluk-pemeluknya mengeluarkan hartanya dengan bersedekah kepada jalan Allah. Kewajipan mengeluarkan harta kepada jalan Allah itu di atas dua jalan,

1. Dengan mengeluarkan zakat yang diwajibkan, 2. Mengeluarkan sedekah sunat yang sangat digalakkan. Galakan-galakan terhadap kepada sedekah sunat dan cara-cara yang sebaik-baiknya cuba hendak dijelaskan dalam rencana ini.

(Rencana khas bagi Qalam sahaja)

Tuhan sangat menggalakkan umat supaya membukakan tangannya, yang di luar daripada yang diwajibkan ituknya¹ membantunya saudara-saudaranya supaya mendapat kebahagiaan daripada kurnia-kurnia yang diberikan Tuhan kepadanya. Itu dapat jelas daripada beberapa ayat Allah yang tersebut di bawah ini:

Tuhan berfirman (maksudnya): “Dan belanjakanlah (harta kamu) di jalan Allah: Dan janganlah kamu campakkan diri-diri kamu kepada kebinasaan; dan berbuat ihsanlah kamu, kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berihsan. (*Q. al-Baqarah* ayat 195).

“Hai orang-orang yang beriman! Nfakahkanlah sebahagian daripada apa yang telah kami kurniakan kepada kamu, sebelum tiba suatu hari yang tidak ada perniagaan padanya dan tidak ada persahabatnya, dan tidak ada safaat²: dan kafir-kafir itulah yang zalim. (*Q. al-Baqarah* ayat 253).

“Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-rasul-Nya dan belanjakanlah sebahagian daripada yang ia (Allah) telah jadikan kamu pengurusnya mengenainya; orang-orang yang beriman dari antara kamu dan orang-orang yang membelanjakannya, bagi mereka adalah ganjaran yang besar.” (*Q. al-Ḥadīd* 7).

Seterusnya baca ayat, 9-11 *Sūrah al-Munāfiqūn*, ayat 67 *Sūrah al-Tawbah*, ayat yang menghendaki supaya pemeluk-pemeluknya yang beriman semuanya kepada Allah dan Rasul-Nya

supaya bermurah tangan dan gemar untuk memberikan hartanya untuk kebajikan kepada umum dan kepada perseorang.

Ayat-ayat Allah ini disokong pula oleh hadith-hadith Nabi (S.A.W) (maksudnya): “Pada tiap-tiap pagi turun dua orang malaikat hamba-hamba Allah; seorang daripada malaikat itu berseru: ‘Tuhanku, berilah kepada yang menafkahkan hartanya pada jalan yang engkau redai, akan penggantinya. Dan seorang pula berseru; ‘Tuhanku, berikanlah kebinasaan kepada orang yang enggan mengeluarkan hartanya pada jalan engkau. (Hadith riwayat Bukhārī dan Muslim).

“Bahawasanya Allah telah memilih agama Islam menjadi agama kamu. Maka muliakanlah Islam itu dengan budi yang utama dan murah tangannya”. (Riwayat al-Ṭabarī).

³XXXX

“Orang-orang yang pemurah itu hampir kepada Allah, hampir kepada manusia dan hampir kepada syurga. Sebaliknya orang yang pemurah, jauh daripada neraka. Seterusnya orang bakhil jauh daripada Allah, jauh daripada manusia, demikian juga jauh daripada syurga, dan sangat dekat kepada neraka. Orang jahil yang pemurah, lebih disukai Allah daripada ‘ābid yang bakhil.” (Riwayat al-Tirmidhī).

Ada banyak lagi hadith-hadith mengenai ini yang disabdakan oleh Nabi. Semuanya adalah menggalakkan kepada pengikut beliau

¹ Perkataan sebenar ialah untuknya

² Perkataan sebenar ialah syafaat

³ teks asal tidak jelas

supaya memurahkan tangannya, dan suka membantu saudara-saudaranya terutama umat Islam sendiri yang berada di dalam kesempatan.

Pengertiannya

Ada pun pengertian menafkahkan (mengeluarkan dan membelanjakan harta pada jalan Allah, ialah “mengeluarkan sebahagian harta untuk maslahat umum, baik mengenai urusan dunia ataupun urusan akhirat.”

Ahlinya menyatakan bahawa mengeluarkan harta pada jalan Allah itu ada terbahagi kepada dua bahagian:

Pertama: Menafkahkan fardu (yang difardukan); iaitu harta-harta

wajib dinafkahkan (dibelanjakan) dan boleh diambil oleh pemerintah untuk dibelanjakan sama ada disukai oleh yang punya harta itu atau tidak.

Kedua: Menafkahkan *tuftū* (sukarela) iaitu yang diberikan

menurut kesukaan yang membelanjakannya.

Mengeluarkan harta pada jalan Allah, dengan mengeluarkan untuk maslahat umum, yang diperintahkan agama itu adalah termasuk jalan memelihara diri, bangsa, tanah air dan agama daripada kebinasaan.

Kiyai Hasbi Ash-Shiddieqy dalam kitabnya “*Al-Islām*” ada menyebut bahawa mengeluarkan harta pada jalan Allah adalah meliputi “pengeluaran harta untuk mempersiapkan alat senjata yang dengan kelengkapannya dapat dipelihara atau dijamin perdamaian dan dapat ditangkis serangan musuh masuk juga soal menegakkan kebahagiaan masyarakat.

Tanda Iman

Mengeluarkan hartanya untuk perkara-perkara yang tersebut itu adalah menjadi tanda iman kepada tiap-tiap umat Islam. Tuhan telah menjanjikan di dalam al-Qur’ān

kelimpahan-kelimpahan balasanya kepada mereka-mereka yang mengeluarkan harta di jalan Allah dengan balasan yang berganda-ganda.

Perjanjian Tuhan ini diberi kepada mereka-mereka yang melakukan perbuatan ini dengan ikhlas semata-mata mencari keredaan Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* semata-mata – tidak kerana tujuan sesuatu yang lain.

Tetapi Allah memberi peringatan kepada mereka-mereka yang bersedekah atau menafkahkan hartanya kepada jalan Allah itu dengan semata-mata kepada riak, sombong dan bermegah.

Tuhan telah memperingatkan ia dengan firman-Nya maksudnya;

“Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Janganlah kamu batalkan (pahala) sedekah dengan bangkitan (membangkit-bangkit dan gangguan-gangguan) sebagaimana orang yang membelanjakan hartanya dengan riak terhadap manusia dan (yang) tidak beriman kepada Allah dan hari kemudian. Maka bandingannya (adalah) seperti satu batu licin yang di atasnya ada pasir, lalu ditimpa hujan lebat yang kemudian menjadikannya

Sudah terbit!

Pengajian

KESAH PELAYARAN

ABDULLAH MUNSHI

di-susun sa-mula oleh:

E D R U S

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

Di-chitak dan di-terbitkan oleh

Q A L A M,

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

licin. Mereka tidak boleh mendapat sesuatu (pahala) daripada apa yang telah kerjakan, dan Allah tidak memimpin kaum yang kafir”.

Maksud ayat ini adalah memperingatkan kita bahawa janganlah kita tatkala bersedekah atau membuat kebajikan menjadikannya kemegahan dan kesombongan serta janganlah pula kita membangkit-bangkit pemberian kita itu kepada seseorang yang telah kita beri atau kita bantu itu. Semuanya itu akan menjadikan sesia belaka apa yang dibuat seperti keadaan pasir di atas batu yang licin ditimpa hujan lebat lalu pasir itu hilang tinggal batu licinnya sahaja – ertinya usahanya tidak meninggalkan bekas.

Sesungguhnya ada banyak lagi ayat al-Qur’ān mengenai perkara ini tetapi di sini, yang dimaksud diterangkan ialah memberikan cara sebaik-baiknya bagi mengeluarkan bantuan atau sedekah kepada orang-orang yang kita fikirkan patut dan mustahak menerimanya. Demikian juga bagaimana cara yang sebaik-baiknya untuk menyampaikan bantuan-bantuan itu.

Memilih Orang-orang yang Mustahak dibantu

Orang-orang yang dibantu itu, adalah termasuk golongan asnaf yang delapan. Orang-orang yang tersebut ini kita tidak mengupasnya di sini. Yang dikupas hanya kepada keadaan orang-orang yang terkadang-kadang mustahak dibantu yang dilihat dan diselidiki dengan saksama.

Kadang-kadang kita melihat orang-orang fakir yang meminta-minta di tepi jalan. Kita melihat ia mendayu-dayu meminta bantuan-bantuan di hadapan umum. Ada di antara mereka yang sebenarnya tidak payah hidupnya meminta-minta sedekah di tepi jalan itu sebagai suatu mata pencarian sehari-hari.

Tetapi di sebalik itu ada orang-orang yang tenang – yang hidupnya lebih susah daripada orang-orang ini. Tanggungannya banyak – hidupnya payah – terkadang-kadang makan

sekali sehari – jauh daripada berkecukupan. Kepayahan dan penderitaan hidupnya tidak dizahirkannya. Terkadang satu sen pun wang tidak ada di tangannya untuk membeli beras atau perbelanjaan rumahnya.

Orang ini tidak mau meminta-minta kerana meminta-minta itu sebagai suatu perkara yang dipandangnyanya menghinakan kepada dirinya sendiri. Menadah tangan di pandangnyanya sebagai suatu perkara yang menurunkan dirinya. Ini sememangnya begitu sebab kalau menerima tangan di bawah – kalau memberi tangan di atas.

Berdasarkan kepada keadaan inilah maka agama lebih mengutamakan kepada mereka-mereka yang suka mau membuat kebajikan itu dengan cara menyembunyikan kebajikan. Ini tidak bermakna bahawa menzahirkan pemberian kepada umum itu menjadikan suatu kesalahan. Perhatikan firman Allah di dalam *Sūrah al-Baqarah* ayat 271 yang maksudnya;

“Maka jika kamu zahirkan sedekah itu, maka itulah yang sebaik-baiknya; dan jika kamu sembunyikan dan kamu berikan kepada orang-orang fakir, maka itulah yang terlebih baik bagi kamu, dan ia menutupi daripada kamu kesalahan-kesalahan kamu, dan Allah mengetahui apa-apa yang kamu amalkan.”

Di dalam ayat ini tegasnya bahawa jika dizahirkan pemberian-pemberian (sedekah) kamu itu adalah yang demikian baik juga tetapi jika menafkahkan itu dilakukan dengan sembunyi-sembunyi (sedekah) dan diberikan kepada fakir miskin itu ada lebih baik.

Mengenai ayat ini ada dua golongan ulama mentafsirkannya. Yang pertama berpendapat sedekah yang dimaksud di dalam ayat ini umum kepada zakat fardu dan sedekah sunat, maka memberikannya dengan jalan sembunyi-sembunyi terlebih baik daripada menzahirkannya

Sebahagian yang lain pula menerangkan bahawa sedekah yang dikehendaki dalam ayat ini hanya tertentu kepada sedekah


sunat sahaja. Kerana sedekah fardu itu tidak ada mengandungi riak sebab ia menjadi satu syiar yang tidak sepatutnya disembunyikan.

Di dalam tafsir al-Baidāwī ada meriwayatkan daripada Ibn ‘Abbās (R.A.) yang menyatakan bahawa sedekah sunat dengan bersembunyi itu 70 ganda lebih pahalanya daripada sedekah yang dizahirkan. Dan sedekah fardu dengan jalan berterang-terang terlebih baik 25 ganda daripada yang dijalankan dengan bersembunyi-sembunyi.

Menurut kata Khāzin pula; ada juga orang yang menyebut bahawa ayat ini termasuk kepada sedekah fardu sahaja kerana adalah pada zaman Nabi (S.A.W) menyembunyikan itu terlebih baik kerana orang-orang pada masa itu tidak

ada yang menyekat seorang jua pun yang tidak membayar zakatnya, sedang pada zaman sekarang menzahirkan itu ada terlebih baik supaya orang jangan jadi salah sangka.

Ustaz al-Imām, Muhammad ‘Abduh berpendapat “menzahirkan yang fardu itu ialah memasyhur-masyhurkan dan mengembang-ngembangkan syiar Islam, kerana jika disembunyi-sembunyikan sahaja memberikannya, tentu sahaja datang sangkaan-sangkaan bahawa ia tidak mengeluarkan zakat yang diwajibkan kepadanya. Keadaan yang seperti ini boleh pula menjadi contoh kepada orang-orang lain, dan dengan mudah pula nanti orang lain tidak hendak mengeluarkan zakatnya. Ia terus menjadi ikut-ikutan. Sebab itu di dalam hal ini tidak ada satu jalan riak dalam bahagian fardu dan syiar,



Sebuah istana kepunyaan keluarga Fiyana⁴ di Qurtubah (Cordoba) Sepanyol.

⁴ tidak pasti

kerana pekerjaan itu pekerjaan yang sepatutnya mesti disiarkan.”

Beliau menyamakan pula dalam perkara-perkara mengenai umum seperti mengadakan tempat-tempat untuk perguruan. Menuntut ilmu yang bermanfaat, rumah sakit, membantu penyebaran agama dan lain-lainnya menyerupai dengan hal memberikan zakat – tidak sepatutnya disembunyikan oleh sebab yang demikian keutamaan menyembunyikan sedekah itu hanya tertentu kepada sedekah fakir miskin sebagaimana diterangkan dengan terangnya di dalam firman Allah; “Dan jika kamu sembunyikan dan kamu berikan kepada orang-orang fakir maka itulah yang terlebih baik bagi kamu...”

Tidak Perlu Berlumba-lumba

Yang demikian, menurut Ustaz Al-Imām. Kerana bersedekah atas orang-orang fakir adalah kerana menutupi keperluannya sahaja, maka tidaklah perlu menyata-nyatakan tentang berapa banyaknya, sebagaimana perlunya kepada masalah umum. Bersedekah kepada orang-orang fakir perlu untuk menutupi halnya dan kerana memelihara kehormatannya, iaitu barang yang tidak ada pada kemaslahatan umum.

Adakah bersedekah kepada fakir ini lebih diutamakan untuk diisytiharkan seperti kepada umum itu? Dalam suatu hadith yang diriwayatkan oleh Bukhārī ada menyebut (maksudnya);

“Sesungguhnya di antara taubat orang yang dinaungi Allah pada naungannya pada hari yang tidak ada naungannya selain daripada naungannya, ialah orang yang bersifat dengan sedekah yang disembunyikannya, sehingga tidak diketahui oleh tangan kirinya apa yang telah dinafkahkan oleh tangan kanannya.”

Anjuran ini terang dan jelas. Sebab itu

sebahagian orang menyangka bahawa menyembunyikan tiap-tiap amal kebajikan itu terlebih baik daripada menzahirkannya.

Ringkasnya kehendak tafsir al-Manār di dalam persoalan ini bahawa tidak semua yang baik itu lebih baik menyembunyikannya daripada menzahirkannya. Ini terutamanya di atas orang-orang yang menjadi pemimpin atau ikutan orang ramai mengemukakannya.

Bagaimana Mengamalkannya.

Orang-orang yang soleh yang terkemuka semenjak dari zaman Nabi sehingga harus pada zaman ini adalah banyak beramal dengan amalan sedekah serta (sedekah bersembunyi ini). Di antara orang-orang yang terkenal dan masyhur menggunakan cara ini ialah Saiyidina ‘Alī Zayn al-‘Ābidīn bin Husayn bin ‘Alī bin Abī Ṭālib.

Beliau dikatakan siang-siang hari selalu berjalan melihat keadaan orang-orang di negerinya. Pada malam hari sudah tengah malam beliau pun keluar dari rumahnya membawa sendiri barang-barang makanan untuk orang-orang yang fakir atau pun orang-orang yang diketahui beliau tidak mencukupi sara hidupnya atau orang-orang yang pada fikirannya patut ditolong.

Barang-barang yang dipikul beliau itu diletakkannya di hadapan pintu rumah orang yang dibantunya dengan tidak diketahui orang sama sekali siapakah yang bersedekah itu. Perbuatan beliau ini dapat diketahui orang adalah sudah tidak berapa lama beliau wafat sebab orang-orang yang biasa menerima pertolongan itu tidak menerima lagi bantuan sesudah itu.

Kebaikan-kebaikan sedekah

Sebagaimana yang disebut bahawa terkadang-kadang seorang itu tidak mau menerima bantuan dengan tepat, artinya ia tidak mau menerima sesuatu pemberian daripada orang lain sekalipun ia berhajat kepada bantuan itu. Ia

berasa, sekurang-kurangnya terhutang budi kepada orang yang memberi, sedang berhutang budi itu berat kepadanya, yang terkadang-kadang pada satu masa tatkala berhadapan dengan orang itu terpaksa melembutkan gigi daripada lidahnya.

Berhutang budi itu dengan sendirinya terasa olehnya takluk di atas kebaikan orang. Kerana itu payah baginya menerima sesuatu bantuan dan pertolongan sekalipun ia mustahak baginya. Begitulah lazimnya sifat-sifat orang yang besar jiwanya.

Untuk orang-orang ini maka sebab itulah agama menggalakkan menyuruh memberi sedekah dengan bersembunyi seperti sabda Nabi bahawa pemberian tangan kanan kepada seseorang hingga tidak diketahui oleh tangan kiri. Cara ini, buat masa sekarang sangat mudah melakukannya.

Jika hendak memberi bantuan barang-barang makanan, pergi sahaja ke kedai beras umpamanya, suruh ia menghantarkan sekian-sekian barang kepada alamat rumah orang yang hendak ditolong itu dengan dipesan sahaja untuk menyampaikannya dengan tidak payah menyatakan siapa yang menyuruh menyampaikannya. Jika hendak menghantarkan wang, pergi sahaja ke pejabat *post* masukkan wang ke dalam sampul surat *register* – hantarkan kepada alamat orang yang hendak ditolong itu dengan tidak payah menyebut-nyebut siapa yang menghantarnya pada surat *register* itu.

Orang yang menerimanya tentu tidak dapat menolak dan mengembalikan sedekah itu kerana ia tidak tahu siapa yang menghantarnya. Dengan itu tentulah ia sentiasa berdoa kepada Allah membalaskan budi baik orang itu dengan ikhlas – sedang ia tidak terasa berhutang budi kepada seseorang apabila ia berpandangan muka kepada orang itu.

Yang bersedekah itu pula tentunya akan menghadapi pula cubaan atas keikhlasan perbuatannya. Tentunya ia wajib menahan dirinya daripada menyebut atas perbuatannya atau

jasanya sekalipun kepada anak dan isi rumahnya apalagi kepada orang lain. Ia hanya berperasaan syukur kepada Allah dapat membuat khidmat dengan berharap kepada keredaan-Nya. Sekiranya apa yang dibuatnya disebut kepada orang lain tentunya rosaklah segala usahanya dan tidak sedikit pun memberi faedah kepadanya.

Mudah-mudahan umat Islam sekarang dapat membuat jasa-jasa kepada tiap-tiap seseorang dengan mengutamakan sedekah (sembunyi) ini adanya.

Kitab sejarah untuk sekolah-sekolah Sudah siap

Sejarah Ringkas

Muhammad

ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam

(Huruf Jawi)

Disusun oleh Edrus. Sejarah

ringkas junjungan kita Muhammad (S.A.W) yang perlu

diketahui terutamanya oleh murid-murid sekolah.

Tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan

yang boleh mengingatkan murid-murid kepada apa yang telah

dibacanya. Bahasanya mudah difaham dan disulam

dengan peta dan gambar-gambar yang berkenaan dengan

sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah

ringkas yang diterbitkan oleh Qalam untuk

sekolah-sekolah.

Post 10 sen.

Senaskah \$1.20

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura.